

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1998/99

April 1999

ATW102 – EKONOMI UNTUK PENGURUSAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS (11)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawapan hendaklah ditandakan dalam Borang OMR dengan pensil 2B dan **PASTIKAN ANDA MENULIS ANGKA GILIRAN**.

Soalan1

1. Pengajian ekonomi pengurusan boleh didefinisikan
 - (a) pengajian ekonomi oleh pengurus-pengurus.
 - (b) Pengajian aktiviti ekonomi makro.
 - (c) Pengajian bagaimana pengurus membuat keputusan menggunakan sumber-sumber terhad.
 - (d) Semua di atas.

2. Di dalam ekonomi pasaran terbuka, tahap optima kualiti barangan dan perkhidmatan ditentukan oleh
 - (a) para pekerja.
 - (b) Firma pengeluaran.
 - (c) Kerajaan.
 - (d) Pengguna/pelanggan.

3. Untuk memaksimakan nilai firma, pihak pengurusan semestinya
 - (a) memaksimakan pendapatan jangka pendek.
 - (b) memaksimakan purata keuntungan jangka pendek.
 - (c) memaksimakan keuntungan jangka panjang.
 - (d) memaksimakan keuntungan jangka pendek.

...2/-

4. Bagi ahli ekonomi, faktor yang berikut tidak dianggap sebagai sumber asas untuk faktor pengeluaran?
- (a) wang ringgit.
 - (b) alatan atau mesin.
 - (c) Teknologi.
 - (d) Buruh yang tiada kemahiran.
5. Yang manakah daripada berikut bukan penentu permintaan bagi barangan?
- (a) kos pengeluaran.
 - (b) jangkaan.
 - (c) harga barangan lain yang berkaitan.
 - (d) minat pengguna-pengguna.
6. Dalam menghuraikan perlakuan pihak pengurusan, proses pengoptimuman semestinya
- (a) membuat formulasi matematik.
 - (b) ramalan tentang pemerhatian perlakuan pengguna.
 - (c) mengambilkira semua alternatif keputusan.
 - (d) tidak mengambilkira konstrain sebenar dunia.
7. Jika keuntungan marginal/sut positif, semasa peningkatan output
- (a) jumlah keuntungan semestinya meningkat.
 - (b) purata keuntungan semestinya meningkat.
 - (c) jumlah keuntungan semestinya menurun.
 - (d) purata dan jumlah keuntungan semestinya meningkat.
8. Kos melepas boleh ditakrifkan sebagai
- (a) jumlah yang terpaksa dilepaskan apabila memilih satu aktiviti daripada semua alternatif-alternatif yang lain.
 - (b) jumlah yang terpaksa dilepaskan apabila memilih satu alternatif daripada alternatif yang terbaik kemudiannya.
 - (c) peluang untuk mengaut keuntungan yang lebih besar daripada keuntungan sekarang.
 - (d) jumlah yang terpaksa dilepaskan apabila memilih satu aktiviti yang tidak begitu bagus berbanding dengan alternatif yang terbaik kemudiannya.

9. Ali mempunyai sebuah setor di pinggir Kuala Lumpur. Pendapatan tahunana ialah RM200,000 dan jumlah kos (termasuk gaji beliau RM30,000) ialah RM180,000 setahun. Pihak rangkaian pasaraya menawarkan kerja kepada Ali sebagai pengurus besar dengan gaji RM60,000 setahun. Kos melepas kepada Ali jika sekarang tidak menerima tawaran dan terus mengendalikan setor tersebut ialah
- (a) RM80,000
 - (b) RM10,000
 - (c) RM20,000
 - (d) RM60,000
10. Jumlah pendapatan ialah melalui persamaan ini $TR=300q - 4q^2$. Jika $q = 10$, maka purata pendapatan ialah
- (a) RM260.00
 - (b) RM560.00
 - (c) RM360.00
 - (d) RM460.00
11. Jumlah pendapatan ialah melalui persamaan $TR=300q - 4q^2$. Jika $q = 20$, maka pendapatan sut ialah
- (a) RM440.00
 - (b) RM500.00
 - (c) RM140.00
 - (d) RM260.00
12. Perubahan daripada faktor berikut tidak akan memindahkan kelok permintaan
- (a) citarasa.
 - (b) harga barangan.
 - (c) pendapatan pengguna.
 - (d) harga barangan yang bersangkutan.
13. Jika $Q = 250 - 5P + 0.1I$, $P = RM10$ dan $I = 0$, berapakah titik keanjalan harga bagi permintaan?
- (a) - 0.25
 - (b) - 5.00
 - (c) - 4.50
 - (d) - 0.50

14. Di dalam ekonomi pengurusan, analisis permintaan sangat mustahak kerana
- (a) firma tidak mampu untuk hidup jika sekiranya permintaan tidak mencukupi bagi barangannya atau permintaan barangannya tidak bertambah.
 - (b) analisis permintaan perlu untuk penentuan harga barangan.
 - (c) ianya memberi kesan ke atas teknik pengeluaran firma dan perancangan pembesaran kilang masa hadapan.
 - (d) semua di atas.
15. Jika kenaikan harga menyebabkan penambahan ke atas jumlah pendapatan, permintaan diandaikan
- (a) keanjalan unitari.
 - (b) tidak anjal.
 - (c) normal.
 - (d) anjal.
16. Untuk barangan pelengkap X dan Y, pernyataan yang manakah benar?
- (a) kenaikan harga P_y akan memindahkan kelok permintaan untuk X ke kanan.
 - (b) Penurunan harga P_y akan memindahkan kelok permintaan untuk X ke kanan.
 - (c) Kesan ke atas permintaan Q_x apabila perubahan harga Y adalah sama sebagaimana kesan ke atas permintaan Q_y apabila perubahan harga X.
 - (d) Keanjalan bersilang adalah positif.
17. Penambahan output mengurangkan jumlah keuntungan jika
- (a) keuntungan marginal/sut negatif.
 - (b) keuntungan marginal/sut kecil daripada purata keuntungan.
 - (c) keuntungan marginal/sut besar daripada purata keuntungan.
 - (d) purata keuntungan meningkat.
18. Perubahan kepada kelok puas sama ke tahap yang baru oleh peningkatan penggunaan agregat disebabkan pengurangan harga ialah
- (a) kesan harga.
 - (b) kesan pendapatan.
 - (c) kesan penggantian.
 - (d) kesan penggunaan.

19. Jika harga pasaran lebih tinggi daripada harga ekuilibrium maka
- (a) kekurangan terjadi dan harga ekuilibrium akan meningkat sehingga sama harga pasaran dan kekurangan akan dihapuskan.
 - (b) lebihan terjadi dan harga ekuilibrium akan meningkat sehingga sama harga pasaran dan lebihan akan dihapuskan.
 - (c) lebihan terjadi dan harga pasaran akan menurun sehingga sama harga ekuilibrium dan lebihan akan dihapuskan.
 - (d) kekurangan terjadi dan harga pasaran akan menurun sehingga sama harga ekuilibrium dan kekurangan akan dihapuskan.
20. Diberikan belanjawan yang terhad, pengguna akan mendapat kepuasan yang tinggi apabila mereka membeli barangan dan perkhidmatan.
- (a) kos yang paling rendah.
 - (b) yang memberikan tahap yang tinggi utiliti marginal/sut.
 - (c) yang memberikan tahap jumlah utiliti yang tinggi.
 - (d) yang memberikan tahap yang tinggi utiliti marginal/sut bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.
21. Dua barangan dianggap sebagai pelengkap jika
- (a) keanjalan bersilang bagi permintaan sama dengan kosong.
 - (b) keanjalan bersilang bagi permintaan lebih besar daripada kosong.
 - (c) keanjalan harga bagi permintaan untuk tiap-tiap satu barangan besar daripada kosong.
 - (d) keanjalan bersilang bagi permintaan kurang daripada kosong.
22. Di dalam sistem ekonomi terbuka keuntungan merupakan satu kehendak sosial kerana ianya
- (a) mengagihkan kekayaan dari firma kecil ke firma yang besar.
 - (b) menghalakan sumber yang terhad ke pengeluaran yang sangat dikehendaki.
 - (c) membolehkan firma beroperasi pada tahap kos yang tinggi.
 - (d) membolehkan firma mengambil pekerja yang lebih dan mengurangkan kadar pengangguran.
23. Dengan menggunakan data berikut, tentukan purata kos berubah di dalam mengeluarkan 5 unit pengeluaran.
- | | | | | | | | | | |
|--------------------|----|----|----|----|----|----|----|----|----|
| Pengeluaran/output | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 |
| Kos | 10 | 11 | 13 | 16 | 20 | 25 | 31 | 38 | 48 |
- (a) - 25
 - (b) 15
 - (c) 5
 - (d) 3

24. Dengan menggunakan data berikut, tentukan purata kos tetap bagi pengeluaran 2 unit pengeluaran.

Pengeluaran/output	0	1	2	3	4	5	6	7	8
Kos	10	11	13	16	20	25	31	38	48

- (a) 13
 - (b) 6.5
 - (c) 5
 - (d) 2
25. Dengan menggunakan data berikut, tentukan kos sut bagi pengeluaran yang ke 6 unit.

Pengeluaran/output	0	1	2	3	4	5	6	7	8
Kos	10	11	13	16	20	25	31	38	48

- (a) 6
 - (b) 31
 - (c) $31/6$
 - (d) $6/31$
26. Jika harga barangan meningkat berkemungkinan

- (a) permintaan barangan pelengkap akan meningkat.
- (b) permintaan barangan tersebut akan meningkat.
- (c) permintaan barangan pengganti akan meningkat.
- (d) permintaan barangan mewah akan meningkat.

27. Hukum pulangan berkurangan

- (a) secara spesifiknya berkait dengan produk marginal/sut yang berkurangan bagi faktor input yang tetap.
- (b) boleh dibentuk secara deduktif.
- (c) menyatakan bahawa produk marginal/sut bagi faktor berubah semestinya menurun apabila penggunaan faktor tersebut meningkat.
- (d) menyatakan bahawa kuantiti berubah meningkat, sementara kuantiti semua faktor-faktor lain di tahap konstan, ianya akan berkeputusan dengan output yang berkurangan.

28. Isokuan menerangkan

- (a) kombinasi input yang secara efisien mengeluarkan out yang sama.
- (b) kombinasi input yang boleh digunakan pada kos yang sama.
- (c) kombinasi output yang dapat dikeluarkan secara efisien dengan menggunakan kombinasi input yang sama.
- (d) kombinasi output yang dapat dikeluarkan pada kos yang sama.

29. Pulangan kepada skala boleh dicirikan oleh sistem pengeluaran
- (a) dapat disukat bagaimana input-input dapat diubah-ubah secara terus menerus bukan secara incremental.
 - (b) menunjukkan perhubungan antara output dan semua variasi input-input.
 - (c) menunjukkan corak kombinasi input secara berasingan.
 - (d) menunjukkan perhubungan antara output dan variasi hanya satu input yang digunakan.
30. Jika keanjalan output bersamaan 0.75, pulangan kepada skala dikatakan
- (a) konstan.
 - (b) meningkat.
 - (c) tidak dapat ditentukan tanpa maklumat yang lain.
 - (d) berkurangan.
31. Firma akan memaksimumkan keuntungan dengan menggunakan kuantiti input di mana
- (a) pendapatan marginal sama dengan harga tiap satu input.
 - (b) produk marginal tiap satu input sama.
 - (c) pendapatan produk marginal bagi tiap satu input sama dengan harga input.
 - (d) produk marginal tiap satu input sama dengan harga.
32. Firma beroperasi pada masa jangka panjang
- (a) firma mempunyai kebebasan yang sepenuhnya untuk menggunakan input-input.
 - (b) kemudahan semua input adalah tetap.
 - (c) tempoh masa operasi lebih panjang daripada tempoh masa perancangan.
 - (d) kemudahan bagi hanya satu input yang tetap.
33. Di dalam proses membuat keputusan, pihak pengurusan perlu menimbangankan
- (a) kos tenggelam.
 - (b) cuma kos implisit sahaja.
 - (c) kos relevan.
 - (d) kos sejarah.
34. Fungsi pengeluaran menyatakan
- (a) kemungkinan output yang maksima dapat dikeluarkan jika diberikan tahap teknologi yang berbeza.
 - (b) tahap kuantiti minima bagi input-input yang diperlukan untuk mengeluarkan tahap output yang ditetapkan.
 - (c) kos minima yang diperlukan untuk mengeluarkan tahap output yang ditetapkan.
 - (d) kemungkinan memaksimumkan output yang dapat dikeluarkan pada kos yang ditetapkan.

...8/-

35. Kos tetap termasuklah
- (a) kos faedah yang berubah bagi pinjaman modal.
 - (b) belanja buruh berubah-ubah.
 - (c) kos tenaga yang berkaitan output.
 - (d) kos bahan mentah yang berkaitan output.
36. Kos marginal sama dengan
- (a) purata kos berubah pada titik maksima.
 - (b) perubahan di dalam jumlah kos berubah dibahagikan dengan perubahan kuantiti.
 - (c) perubahan di dalam jumlah kos tetap dibahagikan dengan perubahan kuantiti.
 - (d) jumlah kos dibahagikan jumlah kuantiti.
37. Garisan isokos akan berpindah keluar jauh daripada origin
- (a) jika jumlah kos meningkat.
 - (b) jika sekiranya harga kedua-dua input meningkat.
 - (c) jika sekiranya ada peningkatan di dalam teknologi.
 - (d) semua di atas adalah benar.
38. Bagi negara yang mempunyai lebih buruh murah akan
- (a) mengimport barangan yang dikeluarkan dengan menggunakan banyak tenaga buruh.
 - (b) menyekat secara keseluruhan perdagangan antarabangsa.
 - (c) mengeksport barangan yang dikeluarkan dengan menggunakan banyak tenaga buruh.
 - (d) mengeksport barangan yang dikeluarkan dengan menggunakan tenaga buruh yang kecil.
39. Jika isokuan dilakarkan di atas graf dengan kapital disukat pada paksi menegak dan buruh disukat pada paksi melintang. Jika sekiranya kadar upahan meningkat ianya akan menyebabkan garisan isokos
- (a) akan menjadi semakin menegak dan kuantiti optima buruh akan meningkat.
 - (b) akan menjadi semakin menegak dan kuantiti optima buruh akan berkurangan.
 - (c) akan menjadi semakin mendatar dan kuantiti optima buruh akan berkurangan.
 - (d) akan menjadi semakin mendatar dan kuantiti optima buruh akan bertambah.
40. Kos marginal/sut jangka pendek bersamaan dengan
- (a) perubahan di dalam jumlah kos dibahagikan dengan perubahan output.
 - (b) perubahan di dalam kos berubah dibahagikan dengan perubahan output.
 - (c) kos per unit input berubah dibahagikan dengan produk marginal input berubah.
 - (d) semua yang di atas.

...9/-

41. Struktur pasaran di mana jumlah pembeli dan penjual yang besar bagi produk yang homogenous dan bertindak sebagai penerima harga ialah
- (a) persaingan bermonopoli.
 - (b) persaingan sempurna.
 - (c) monopoli.
 - (d) oligopoli.
42. Di bawah struktur monopoli
- (a) cuma satu firma yang menjual produk.
 - (b) terdapat banyak produk pengganti yang hampir.
 - (c) terdapat sekatan kemasukan ke pasaran.
 - (d) keduanya (a) dan (c).
43. Produk yang dibezakan membolehkan firma untuk
- (a) mendapatkan kawalan monopoli ke atas pasarannya.
 - (b) mendapat sedikit kawalan ke atas pasarannya.
 - (c) tidak mendapat sebarang kawalan ke atas pasarannya.
 - (d) tiada apa perubahan ke atas pasarannya.
44. Yang manakah daripada industri berikut yang hampir menyerupai model pasaran persaingan sempurna?
- (a) industri kereta.
 - (b) industri rokok.
 - (c) industri surat khabar.
 - (d) industri beras.
45. Bagi firma yang berada di pasaran persaingan sempurna, apabila pendapatan sut [MR] RM15, kos sut [MC] RM15, dan purata kos berubah bersamaan RM12.
- (a) meneruskan operasinya.
 - (b) keluar daripada pasaran.
 - (c) berhenti pengeluarannya.
 - (d) naikkan harga jualan.
46. Untuk jangka pendek, firma bersaing sepatutnya menutup perniagaannya jika
- (a) kos sut [MC] kurang daripada kos purata [AC].
 - (b) harga [P] kurang daripada kos purata tetap [AFC].
 - (c) harga [P] kurang daripada kos purata berubah [AVC].
 - (d) harga [P] kurang daripada purata pendapatan [AR].

47. Faktor yang manakah daripada daripada berikut yang menyebabkan kemunculan oligopoli?
- (a) paten.
 - (b) mudah untuk memasuki pasaran.
 - (c) pengeluaran produk yang homogeneous.
 - (d) semua di atas.
48. Monopoli menyebabkan ketidakcekapan ekonomi kerana
- (a) monopoli mengeluarkan barangan kurang daripada permintaan output sosial.
 - (b) monopoli mengeluarkan barangan lebih daripada permintaan output sosial.
 - (c) monopoli menggunakan lebih buruh di dalam pengeluaran.
 - (d) monopoli menggunakan lebih modal di dalam pengeluaran.
49. Ciri-ciri Oligopoli yang ketara ialah
- (a) saling bergantung antara firma-firma.
 - (b) permintaan yang tidak anjal bagi produk industri.
 - (c) ketiadaan halangan untuk memasuki pasaran.
 - (d) semua di atas.
50. Yang manakah pernyataan yang benar untuk persaingan sempurna bagi jangka panjang?
- (a) kos sut [MC] = kos purata [AC].
 - (b) kos sut [MC] = harga [P].
 - (c) kos purata [AC] = harga [P].
 - (d) semua di atas.

Bagi soalan No. 51 hingga 60, jawab A = Betul dan B = Salah.

51. Kemungkinan besar jika keanjalan harga bersilang bagi permintaan dua barangan yang dikeluarkan oleh dua firma di dalam industri yang sama akan menjadi besar dan positif.
52. Anggaran keanjalan permintaan digunakan oleh firma untuk menentukan polisi pengeluaran yang optima.
53. Keanjalan harga bersilang bagi permintaan dua barangan adalah negatif jika sekiranya barangan tersebut adalah produk pengganti.
54. Jika sekiranya keanjalan harga permintaan bagi barangan pengeluaran firma tidak anjal, firma akan menambahkan pendapatan dengan pengurangan harga barangan.
55. Barangan dianggap sebagai normal jika penambahan pada harga akan menyebabkan penambahan kuantiti permintaan barangan tersebut bagi sesuatu tempoh.

...11/-

56. Kesan ke atas pendapat menyatakan bahawa pengurangan harga komoditi secara tidak langsung meningkatkan pendapatan.
57. Jika pengurangan pendapatan menyebabkan kelok permintaan individu bagi barangan berpindah (shift) ke kiri, dan barangan tersebut barangan murahan.
58. Jika sekiranya pendapat sut sama dengan kos sut, keuntungan adalah pada tahap maksima.
59. Jika dua produk dikeluarkan oleh satu firma dan merupakan barangan pengganti, jika kenaikan harga bagi salah satu produk akan menyebabkan permintaan berkurangan bagi produk yang satu lagi.
60. Jika dua produk dikeluarkan oleh satu firma dan merupakan barangan pelengkap jika penurunan harga bagi salah satu produk akan menyebabkan penambahan permintaan bagi produk yang satu lagi.

[100 markah]

-----ooo000ooo-----